

24/09/2004

`Ucapan dasar Presiden sangat komprehensif'

TUN Dr Mahathir Mohamad menyifatkan ucapan dasar Presiden Umno sebagai sangat komprehensif yang memberi banyak tumpuan supaya orang Melayu meningkatkan daya saing.

Bekas Presiden Umno itu yang hadir sebagai tetamu khas pada Perhimpunan Agung Umno, semalam, berkata ucapan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meliputi semua perkara.

Ditanya perasaannya yang kini hadir bukan lagi sebagai presiden parti, Dr Mahathir berkata: "Amat relaks... tidak perlu memberi sebarang ucapan. Saya datang ke sini untuk mendengar ucapan dan juga untuk makan."

Isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, pula berkata Abdullah menyampaikan ucapan dengan bagus, terutama apabila semua perwakilan memberi sambutan yang baik.

Ditanya apakah harapan beliau pada perhimpunan kali ini, Dr Siti Hasmah berkata, apa saja yang terbaik untuk kejayaan dan kebaikan parti.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, beliau sebagai ahli Umno mematuhi apa saja pendekatan atau keputusan yang dibuat parti mengenai Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana itu adalah hak Umno dan bukan hak peribadinya.

Mengenai keputusan tiga sayap Umno meliputi Pemuda, Wanita dan Puteri yang menolak kemasukan semula Anwar, beliau berkata, itu adalah keputusan mereka.

Katanya, hakim telah menyatakan bahawa Anwar melakukan kesalahan itu... cuma tarikh yang salah dan pertuduhan turut menyatakan dengan jelas kesalahan tidak bermoralnya.

"Sebagaimana ucapan Abdullah tadi yang menyentuh mengenai mereka yang mendatangkan masalah kepada parti, saya yakin ia memberi maksud sama," katanya.

Dr Mahathir juga mengulangi bahawa keputusannya memecat Anwar daripada Kabinet dibuat berdasarkan perlakuan tidak bermoral.

"Mana-mana menteri yang tidak bermoral akan dipecat dan saya yakin Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan berbuat perkara sama.

"Jika anda adalah ahli Umno, anda tidak seharusnya mengkhianati parti kerana saya juga pernah dipecat daripada parti sebelum ini tetapi kembali semula kerana saya tidak melakukan kesalahan kepada parti," katanya.

(END)